

Komuniti PPR Raya Permai mahu penghuni ubah mentaliti kelas ketiga

Sikap penduduk punca sampah

Oleh SYAHIRAH LOKMAN

KUALA LUMPUR – Sikap segelintir penduduk yang masih tidak berubah menyebabkan pemandangan di kawasan Pangsa-puri Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai, Sungai Besi di sini dicemari dengan longgokan sampah.

Walaupun kerap dibersihkan, namun perkara sama berulang sekali gus memberikan persepsi negatif pada kaca mata orang luar.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Raya Permai, Norazizan Mohamed, 41, berkata, longgokan sampah tersebut terjadi ekoran sikap segelintir penduduk yang kurang kesedaran sivik.

“Walaupun pihak yang bertanggungjawab sentiasa membersihkan kawasan ini, masalah sama sentiasa berulang disebabkan oleh mentaliti penduduk di sini.

“Pelbagai usaha sudah dilakukan seperti bergotong-royong serta kempen kebersihan bagi memastikan kebersihan menjadi keutamaan, namun sikap segelintir individu yang tidak bertanggungjawab umpama setitik nila yang merosakkan susu



NORAZIZAN



NORAZLI

sebelanga,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Antara sampah sarap yang dibuang termasuklah perabot lama, pakaian dan sisa makanan yang dibiarkan berlonggok sehingga mengundang lalat selain bau busuk.

Sementara itu, petugas Alam Flora, Norazli Azman, 39, berkata, tugas mengambil sampah di kawasan tersebut dilakukan dua kali seminggu dan kadangkala setiap hari.

“Kawasan di sini sentiasa dibersihkan tetapi dalam hal ini semua harus bekerjasama menjaga kebersihan.

“Justeru, masalah sampah tiada kesudahan jika ada penghuni yang tidak peka,” ujarnya.



SAMPAH dibiarkan berlonggok sehingga mencatatkan pandangan di PPR Raya Permai, Sungai Besi semasa tinjauan semalam.